



Media Title : Berita Harian  
Headline : RE penyumbang utama pendapatan Cypark  
Date : 10 April 2018  
Page : 62  
Size : 22.42x11.48



## RE penyumbang utama pendapatan Cypark

**Cypark Resources Bhd** (Cypark) menjangkakan segmen tenaga boleh diperbaharui (RE) yang diceburinya mampu menyumbang kepada pertumbuhan lebih 50 peratus pendapatan syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Daud Ahmad berkata, RE adalah bidang yang dikenal pasti sebagai cabang perniagaan baharu yang memberi pulangan berterusan.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya mempunyai empat segmen perniagaan berbeza yang memberi sumbangan penting kepada syarikat iaitu RE, teknologi hijau, kejuruteraan alam sekitar dan kejuruteraan pembinaan.

"RE adalah bidang yang memberi pulangan positif dan ia bukan hanya tertumpu kepada elektrik sahaja, ia meliputi apa sahaja seperti air serta bahan buangan yang ditukar kepada tenaga.

"Apabila kita berjaya menyiapkan projek Solar Fotovoltaik

Berskala Besar (LSSPV) bernilai RM260.51 juta serta loji sisa kepada tenaga (WTE) 25 Megawatt (MW) di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan, ia mampu memberi sumbangan lebih 50 peratus dari segmen ini kepada syarikat," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) Ke-13 Cypark di Kuala Lumpur, semalam.

### Catat pendapatan RM301.7 juta

Bagi tahun kewangan 2017, Kumpulan Cypark mencatat pendapatan berjumlah RM301.7 juta, iaitu peningkatan sebanyak 6.6 peratus atau RM18.8 juta berbanding tahun kewangan sebelumnya.

Pertumbuhan itu bersandarkan kepada sumbangan oleh segmen Kejuruteraan Alam Sekitar yang berjaya memperoleh beberapa projek pemulihan dan tapak pelupusan sampah.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya berhasrat untuk menjadi peneraju dalam sektor RE di Malay-

sia sebelum meneroka pasaran baru di luar negara.


"Kami mahu jadi 'juara' di negara ini dahulu dan memahami keperluan dan trend pasaran di sini sebelum mula bergerak aktif dalam pasaran antarabangsa.

### Tinjau prospek

"Bagaimanapun, sebagai perseediaan, kami sentiasa meninjau prospek yang menguntungkan di luar negara dan Singapura dijangka menjadi tumpuan global kami yang pertama," katanya.

Menurutnya, pihaknya turut memperuntukkan perbelanjaan modal (capex) antara RM150 hingga RM200 juta setiap tahun bagi melaksanakan projek seterusnya memacu pertumbuhan syarikat.

Sementara itu, Cypark turut memberi tumpuan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam menawarkan penyelesaian relevan, dan inovatif terhadap keperluan, objektif dan aspirasi pelanggan.



**Daud menunjukkan buku Laporan Tahunan Cypark 2017 pada Mesyuarat Agung Tahunan Cypark di Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

[ FOTO SAIRIEN NAFIS / BH ]